

Tak mahu hidup susah

HARIAN METRO (SETEMPAT) 21 MEI 2015 M/52

Golongan belia, ibu tunggal rebut peluang sertai program jana pendapatan

Oleh Mohd Rafi Marnet

am@hmetro.com.my

Kuantan

Kesungguhan untuk bebas daripada ke-pompong kemiskinan perlu ada dalam diri setiap masyarakat luar bandar yang menerima pelbagai kemudahan latihan dan kewangan daripada kerajaan.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Sumber Mancisa dan Tugas-Tugas Khas Pahang, Datuk Norol Azali Sulaiman berkata, kerajaan tidak mungkin dapat mengubah nasib seseorang jika mereka sendiri tidak berusaha untuk berjaya.

Katanya, banyak agensi kerajaan menyediakan kemudahan latihan dalam pelbagai bidang bertujuan memberikan peluang kepada golongan berkenaan mengubah nasib mereka dalam bidang perniagaan.

Menurutnya, selain latihan diberikan percuma, mereka juga berpeluang men-

FAKTA
Mesin jahit dan peralatan membuat kuih antara barang dibenarkan percuma kepada usahawan luar bandar

dapatkan kemudahan peralatan berkaitan bidang kursus masing-masing.

"Mesin jahit dan peralatan membuat kuih antara barang dibenarkan secara percuma.

"Saya berharap golongan belia, ibu tunggal dan mereka yang berminat dalam bidang perniagaan berusaha

merebut peluang disediakan kerajaan. Kemahiran yang dimiliki dapat mengubah masa depan mereka."

"Bagi yang berminat dalam bidang pertanian, agensi seperti Jabatan Pertanian dan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) menyediakan pelbagai kemudahan yang mungkin tidak pernah terfikir oleh

mereka," katanya dalam majlis penyampaian sijil tamat latihan program kemahiran dan keusahawanan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) Empower ECER Mahkota di Universiti Malaysia Pahang (UMP) Kampus Gambang, di sini, kelmarin.

Turut hadir, Pengurus Besar Bahagian Pembangunan

Modal Insan Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur Zulkifli Yaacob dan Naib Canselor UMP Profesor Danuk Dr Daing Nasir Ibrahim.

Dalam majlis itu, seramai 250 peserta yang mengikuti 11 kursus kemahiran selama tiga bulan kendalian UMP menerima sijil penyertaan masing-masing.

Norol Azali berkata, kemahiran dimiliki peserta memberi peluang kepada mereka terabit dalam bidang perniagaan yang dapat menambah pendapatan sekerusnya mengubah taraf hidup keluarga.

Pesaria Zakaria Mohd Ali, 50, berkata, pengalaman sebagai mekanik ketika bertugas dengan Angkatan Tentera Malaysia sebelum ini memudahkannya membina kemahiran dalam bidang membaki enjin bot sangkulit.

"Kemahiran yang ada memberi peluang kepada saya membantu nelayan di Kampung Tanjung Selangor, di sini, yang menghadapi masalah kerosakan enjin bot," katanya.



NOROL Azali (dua dari kiri) menyampaikan sijil tamat kursus kepada peserta program keusahawanan (ECER), semalam.